

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 25.11.2021 MASA: 18.27

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI TAHUN 2021

TARIKH / MASA / TEMPAT

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

3.00 PETANG

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Saudara WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Saudara Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang

Pengerusi PUSPANITA MBSP

En. Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

En. Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

En. Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Pn. Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Warga Kerja MBSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada petang ini bersama-sama Saudara WHIP Parti, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, wakil-wakil persatuan di MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan MBSP, warga kerja dan wira-wira oren MBSP dalam Majlis Sambutan Bulan Integriti Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2021 di Dewan Kenanga, Menara MBSP.

Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Jabatan Khidmat Pengurusan yang telah berusaha keras menganjurkan program ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha pengurusan MBSP untuk menyemarakkan semangat berintegriti di kalangan warga kerja MBSP.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika di kalangan warga kerja MBSP tanpa mengira barisan pengurusan tertinggi mahupun peringkat pelaksana. Kupasan integriti ini di antaranya mengaitkan elemen seperti etika iaitu tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil dalam melaksanakan kerja mengikut KPI yang telah ditetapkan, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja. Justeru MBSP amat komited dalam usaha meningkatkan integriti, membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan. MBSP mensasarkan untuk menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti, telus dan sifar rasuah melalui lapan (8) inisiatif seperti berikut:-

- I. Mengadakan Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025 telah menetapkan empat (4) strategi utama iaitu:-
 1. Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dengan 12 program dan 17 aktiviti;
 2. Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam dengan 11 program dan 13 aktiviti;

3. Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang dengan 13 program dan 21 aktiviti; dan
 4. Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP dengan 9 program dan 14 aktiviti.
- II. Pelan Tindakan Antirasuah 2022 MBSP, telah mengariskan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Pelan Tindakan Antirasuah 2022 MBSP telah mengariskan program sebanyak 45 program dan 65 aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2022.
 - III. MBSP telah menjadi organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MBSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan.
 - IV. MBSP sentiasa menilai semula proses kerja supaya ianya mudah dan pantas serta telus. Justeru, MBSP telah mempersijilkan semua proses kerja-kerja utama supaya mengikut amalan standard antarabangsa. MBSP telah

melaksanakan tujuh (7) persijilan ISO secara serentak yang memberi manfaat langsung kepada *stakeholders*.

- V. MBSP juga menerokai Teknologi Industri 4.0 melalui projek Smart City dengan melancarkan Cyber Counter yang pertama di Malaysia yang membolehkan orang awam (pelanggan) mengakses dan berurusan dengan kesemua 100 perkhidmatan di kaunter secara talian terus tanpa hadir di Kaunter Pusat MBSP. Seberang Perai menggunakan perkhidmatan dalam talian untuk membuat pelbagai jenis bayaran melalui *e-wallet* dan tanpa tunai dengan cepat dan mudah.
- VI. MBSP turut mengiktiraf kakitangan yang komited serta mempamerkan etika kerja yang berkualiti dan integriti yang tinggi melalui pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang setiap tahun. Bagi tahun 2021, seramai 272 orang pegawai / kakitangan MBSP daripada 3,967 kakitangan telahpun menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang berdasarkan pada pencapaian dan prestasi kerja yang cemerlang bagi tahun 2020. Seramai 18 orang kakitangan adalah daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, 98 orang daripada Kumpulan Pelaksana (Sokongan) 1 dan 156 adalah daripada Kumpulan Pelaksana (Sokongan) 2.

VII. Memantapkan lagi integriti dalam organisasi melalui kursus, latihan dan ceramah berhubung integriti kepada kakitangan MBSP. Di antara program-program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2020 / 2021 adalah:-

1. Program Transformasi Minda (PTM)
2. Seminar Merekayasa Tadbir Urus Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam Bengkel Fine Tune Penilaian Risiko ISO 14001:2015 (EMS), ISO 45001:2018 (OSHMS), ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) dan ISO 37001:2016 (ABMS)
3. Taklimat Tatatertib, Perintah Am Dan Pencegahan Rasuah Kepada Pegawai Dan Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai
4. Taklimat Berkenaan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan (ABMS)
5. Taklimat Kajian Keberkesanan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS)
6. Taklimat Rasuah Dan Integriti Penjawat Awam
7. Bicara Integriti Kursus Rasuah Dan Integriti Secara Dalam Talian

8. Latihan Secara Dalam Talian : Kursus Penilaian Risiko Rasuah
9. Latihan Secara Dalam Talian: Taklimat Integriti Menangani Rasuah Di Dalam Pengurusan Projek
10. Latihan Taklimat Rasuah Dan Integriti Semasa Bertugas
11. Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam
12. Taklimat Integriti

VIII. MBSP juga telah melaksanakan Ujian Saringan Air Kencing sebanyak dua (2) kali dalam tahun 2020 ke atas 117 kakitangan dan tiga (3) kali pada tahun 2021 ke atas 204 kakitangan. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Seberang Perai Tengah (AADK) bagi tujuan program kesihatan dan mengesan penyalahgunaan atau penagihan dadah di kalangan kakitangan baru MBSP atau kakitangan yang telah lama berkhidmat selaras dengan surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1989. Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan semua pegawai dan kakitangan Kerajaan diwajibkan menjalani ujian air kencing secara mengejut apabila dikehendaki. Keputusan ini bertujuan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Kementerian,

Jabatan, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan sentiasa bebas dari penagihan dadah.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Outcome dari inisiatif yang dilaksanakan, MBSP hanya menerima empat (4) kes pada tahun 2020 dan tiga (3) kes pada tahun 2021 yang melibatkan rasuah dan salahlaku melalui Sistem Pengurusan Anti Rasuah atau *Anti-Bribery Management System* (ABMS). Kes tatatertib yang dilaporkan kepada pihak pengurusan MBSP adalah sebanyak tiga (3) kes pada tahun 2020 dan empat (4) kes pada tahun 2021.

Pepatah ada mengatakan, ***Mencegah Itu Lebih Baik Dari Mengubati***. Justeru, pembudayaan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga kerja MBSP perlulah diperluaskan agar kes-kes berkaitan dapat dikurangkan pada masa akan datang.

Dalam konteks MBSP, saya menyarankan agar setiap peringkat pengurusan mempertingkatkan aspek '*due diligence*' dalam pelaksanaan

setiap tugas bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan ke arah kesejahteraan rakyat.

TAHNIAH dan SYABAS kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025 dan Pelan Tindakan Pelan Antirasuah 2022 MBSP serta menjayakan program ‘Sambutan Bulan Integriti MBSP 2021 pada hari ini.

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Seberang Perai yang sentiasa menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Terima kasih tidak terhingga kepada kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Pelan Tindakan Pelan Antirasuah 2022 MBSP dan seterusnya Sambutan Bulan Integriti MBSP 2021.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You